



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 561 /(1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

14 September 2020
26 Muharam 1442H

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TAWARAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN KELENGKAPAN PEJABAT, PERALATAN DAN PERISIAN UKUR OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sentiasa prihatin terhadap keperluan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB.
3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga yang ke-507 pada 28 Ogos 2020 telah meluluskan tawaran insentif kepada JTB bagi tahun 2020 seperti berikut:

Item	Jenis Subsidi	Kelayakan	Jumlah Subsidi
A	Kelengkapan Pejabat, Peralatan dan Perisian Ukur (<i>sila rujuk Lampiran A</i>)	Semua JTB	Jumlah insentif berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM15,000 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu sahaja)
B	Peralatan dan Perisian Ukur Hidrografi dan/atau Ground Penetrating Radar (GPR)	JTB yang sedang mengikuti kursus Hydrography and Marine Technology Programme UTM Hydro III Kategori A FIG/IHO/ICA (Pengambilan ke-2) dan/atau JTB yang sedang mengikuti kursus UUDS (Pengambilan ke 7)	Jumlah insentif berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM30,000 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu sahaja)

4. JTB dibenarkan untuk memohon insentif tersebut mengikut kelayakan. **Hanya pembelian yang buat pada dan selepas tarikh surat tawaran akan dipertimbangkan untuk bayaran insentif ini.**

5. JTB yang dikenakan tindakan tatatertib dan belum tamat tempoh satu (1) tahun hukuman tidak layak memohon. JTB yang masih mempunyai hutang tertunggak dengan LJT juga tidak layak memohon.

6. Senarai peralatan pejabat yang dibenarkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.


7. Permohonan perlu disertakan dengan **tax inbois atau resit** daripada pembekal dengan menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran B** dan **dikemukakan kepada LJT beserta gambar yang lengkap dengan nombor siri (jika ada) pada atau sebelum 15 Disember 2020.**

8. JTB yang menerima insentif ini tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan peralatan atau perisian tersebut dalam tempoh tiga (3) tahun. Pihak LJT akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan peralatan dan perisian berkenaan berada di dalam kawalan JTB.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(S. ISMAIL BIN HARUN)
Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

LAMPIRAN A

Insentif Kelengkapan Pejabat, Peralatan dan Perisian Ukur berdasarkan harga sebenar dan tertakluk kepada had maksimum RM15,000

1. Mesin scanner/plotter/pencetak
2. Peralatan dan Perisian Ukur dan GIS
3. Desktop PC/laptop
4. Perisian MS Office
5. Perisian Antivirus

LAMPIRAN B

**BORANG PERMOHONAN
INSENTIF BAGI PEMBELIAN KELENGKAPAN PEJABAT, PERALATAN DAN PERISIAN UKUR
OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA JURUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2020**

1. Butiran JTB

1.1 Nama :

1.2 Nama Firma :

1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian :

(sila sertakan TAX INVOICE atau RESIT serta GAMBAR sebagai bukti)

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
				JUMLAH TUNTUTAN :	

Ringgit Malaysia :

Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)
Tarikh :